



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16.11.22	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	JMG			

SINAR HARIAN • RABU 16 NOVEMBER 2022

SELANGOR/KL • KEDAH

PRU MA
BEK
PILIHAN RAYA UMUM

Dapur rumah rosak akibat tanah runtuh

Hujan lebat mengakibatkan batuan dari cerun bukit merobohkan dinding dapur

Oleh **AHMAD ISMADI ISMAIL**
AMPANG

Hujan lebat mengakibatkan kejadian tanah runtuh hingga bahagian dapur sebuah rumah banglo rosak, di Taman Halaman di sini pada Selasa.

Pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 2.26 pagi.

"Seramai tujuh anggota dan pegawai bersama jentera dari Balai Bomba dan

Penyelamat Ampang berpegas ke lokasi kejadian," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Norazam berkata, setibanya di lokasi, anggota bomba mendapati tanah dan batuan dari cerun bukit menimpa dan merobohkan dinding dapur rumah mangsa di tingkat satu dan bilik tidur di tingkat dua.

"Kejadian itu tidak melibatkan mangsa, anggaran luas runtuhannya tanah di bahagian belakang rumah kira-kira 3.2 meter x 1.8 meter," katanya.

Norazam berkata, pihaknya memeriksa semua tingkat dan bilik bagi memastikan semua penghuni iaitu sepasang suami isteri berusia 39 tahun dan seorang anak lelaki berusia 11 tahun telah keluar dengan selamat.

"Kami juga membuat pemeriksaan pergerakan tanah dan memasang sawar-sawar di kawasan tanah runtuh. Unit Cerun Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan menjalankan tindakan seterusnya," katanya.



Keadaan kejadian tanah runtuh di sebuah rumah banglo di Taman Taman Halaman, Ampang pada Selasa.